

# POLISI PEMBERITAHUAN MAKLUMAT (*WHISTLEBLOWING POLICY*)

Polisi ini bertujuan untuk menggalakkan warga MCM, orang awam, pembekal, kontraktor dan lain-lain Pihak Ketiga untuk melaporkan apa-apa pelanggaran tata laku dan perbuatan rasuah sama ada yang sedang berlaku, disyaki akan berlaku atau yang telah berlaku (termasuk sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang, salah laku dan penyalahgunaan kuasa ataupun penyelewengan) ke saluran yang telah ditetapkan tanpa rasa takut atau bimbang.



## **Jenis-jenis Salah Laku**

Senarai aduan jenis-jenis salah laku dan tidak terhad:-

- × Mengambil atau memberi rasuah
- × Penyalahgunaan kuasa
- × Pelanggaran undang-undang dan peraturannegara atau Syarikat serta kod etika kerja
- × Pemalsuan atau pengubahan sebarang dokumen atau rekod seperti slip gaji, tuntutan (perjalanan/perbelanjaan), resit, draf bank, sebut harga dan lain-lain
- × Pencurian, penyelewengandan penyalahgunaan dana (pecah amanah), bekalan/aset lain atau maklumat syarikat
- × Sebarang perbuatan percanggahan kepentingan termasuk melibatkan pembekal, vendor atau kontraktor
- × Kesalahan jenayah dan penyalahgunaan hak asasi manusia yang lain termasuk memeras ugut
- × Tingkah laku yang tidak beretika termasuk gangguan seksual dan bersubahat
- × Peraturan berkaitan penerimaan hadiah, hospitaliti dan tajaan
- × Pelupusan perkakasan komputer, perisian, data, dan sebagainya yang dimiliki oleh Syarikat.
- × Tindakan yang menjejaskan kesihatan dan keselamatan pekerja syarikat atau orang awam

## Panduan Apabila Berhadapan Dengan Isu Perlakuan Rasuah

- Mana-mana individu yang ditawarkan, diberi atau diminta rasuah hendaklah mengambil tindakan dengan **menolak tawaran**, pemberian atau permintaan tersebut dan segera melaporkan kepada pegawai integriti.



- Sekiranya mana-mana individu menerima arahan daripada pihak atasan untuk melakukan atau bersubahat dalam melakukan kesalahan rasuah ataupun perbuatan yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan, individu tersebut hendaklah **menolak arahan** berkenaan dan segera melaporkan perkara itu kepada pegawai integriti.



- Mana-mana individu yang telah melaporkan berkaitan kesalahan rasuah hendaklah **tidak mendedahkan maklumat** atau pelaporan tersebut kepada mana-mana pihak yang lain bagi memastikan apa-apa keterangan dan bahan bukti yang berkaitan kesalahan tersebut daripada dimusnahkan.

**LAPOR**




- Individu yang berkaitan hendaklah **merahsiakan identiti pemberi maklumat** bagi melindungi pemberi maklumat/aduan tersebut daripada sebarang bentuk tindakan yang memudaratkan.

- Mana-mana individu yang **mengetahui** sesuatu kesalahan rasuah atau perkara-perkara yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan telah, sedang atau akan berlaku, hendaklah segera **melaporkan** kepada Pengurus /Pegawai Integriti.

- Mana-mana individu **diberitahu** oleh mana-mana pihak berkaitan berlakunya kesalahan rasuah, maka individu tersebut hendaklah segera **melaporkan** kepada Pengurus/Pegawai Integriti.

## Proses Pelaksanaan Aduan



Pengurus/Pegawai integriti, pihak pengurusan atasan dan/atau ahli Lembaga yang menerima laporan tersebut akan bertindak untuk menyiasat dan/atau menyelesaikan masalah tersebut.

## Saluran Aduan

Sebarang aduan sila laporkan melalui saluran berikut:-



Berjumpa sendiri atau menghantar surat aduan kepada:

**Pengerusi/Ketua Pegawai Eksekutif**

atau



**Pengurus Unit Integriti**

Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd.  
No. 3, Jalan 33/10A, Kawasan Perindustrian IKS,  
Mukim Batu, 68100 Kuala Lumpur

Hubungi 03-6192 9000 ext. 125



Emel aduan ke [integrity.mcm@gmail.com](mailto:integrity.mcm@gmail.com)

Sekiranya Pemberi Maklumat tidak selesa atau enggan melaporkan kepada Pengurus Unit Integriti, maka aduan boleh dibuat ke peringkat tertinggi atau tahap pengurusan yang lain.

Pemberi Maklumat boleh merahsiakan identitinya.



Sekiranya pendedahan yang dibuat oleh Pemberi Maklumat didapati dengan berniat jahat atau dakwaan yang tidak berasas atau berkaitan tuntutan yang remeh dan berunsur fitnah, tindakan disiplin termasuk penamatan kerja atau kontrak boleh dikenakan.

Jenayah terhadap orang atau harta, seperti serangan, rogol, pencurian dan lain-lain hendaklah segera dilaporkan kepada anggota penguatkuasa undang-undang tempatan.




## Jenis-jenis Perlindungan

Aduan dan identiti Pemberi Maklumat dirahsiakan dan dilindungi dibawah

### AKTA SURUHANJAYA PENCEGAH RASUAH 2009

### AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (AKTA 711)



Tindakan membalas dendam seseorang yang disabit kesalahan kepada Pemberi Maklumat (melaporkan peristiwa dengan niat baik) akan dikenakan tindakan disiplin, termasuk penamatan ahli Lembaga atau status pekerja.

## Kegagalan Melapor

Akta SPRM 2009 memperuntukkan kegagalan melaporkan rasuah merupakan kesalahan berikut:

Gagal melaporkan  
**pemberian** atau  
tawaran suapan

Seksyen 25 (1) dan (2) Akta SPRM 2009; denda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali

---

Gagal melaporkan  
**permintaan** atau  
memperoleh  
suapan

Seksyen 25 (3) dan (4) Akta SPRM 2009; denda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

---